



LEMBAGA PELABUHAN KELANG
(PORT KLANG AUTHORITY)
Beg Berkunci 202,
Jalan Pelabuhan Utara,
42005 Pelabuhan Klang
SELANGOR DARUL EHSAN, MALAYSIA.

Tel: 603-3168 8211
Fax: 603-3168 9117
603-3168 8228
603-3168 8229
603-3167 0211

Web:<http://www.pka.gov.my>
Email:onestopagency@pka.gov.my
ISO 9001:2015 & ISO/IEC 27001:2013

(JAB. ZON BEBAS, JAB. DAGANGAN BERBAHAYA & JAB. TEKNOLOGI MAKLUMAT)

Ruj. Tuan: LPK.600-2/3/2 Jld. 4 (53)
Ruj. Kami:
Tarikh : 12 Julai 2024

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Dato' / Tuan / Puan,

PERMOHONAN PENDAFTARAN

1. KELULUSAN MENGENDALI DI DALAM PREMIS PELABUHAN
2. AKTIVITI EJEN PENGHANTAR FRET

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Setiap operator dan ejen penghantar fret yang beroperasi di pelabuhan perlu berdaftar dan mendapat kebenaran beroperasi dengan Lembaga selaras dengan keperluan Seksyen 3(2)(V) Port Authorities Act 1963 serta bagi mematuhi keperluan kepada Undang-Undang Kecil Lembaga Pelabuhan Kelang (Skala Kadar, Dius dan Caj) 2012.

3. Pendaftaran dibuat secara atas talian berdasarkan portal berikut;

BIL.	AKTIVITI	PORTAL	PAUTAN
1	Mengendali gudang	eAktivitiZB	https://pkapp.pka.gov.my/eaktivitizb/
2	Ejen penghantar fret	eRegistration	https://pkappv2.pka.gov.my/eregistration/

4. Proses pendaftaran ini berkuatkuasa mulai tarikh surat ini sehingga 31 Oktober 2024. Tindakan mengikut keperluan undang-undang akan diambil sekiranya masih ada pihak yang tidak berdaftar termasuk dilarang dari beroperasi di dalam pelabuhan.


5. Kerjasama pihak tuan dipohon untuk memaklumkan kepada ahli masing-masing tentang arahan ini.

6. Mana-mana pihak yang memerlukan penjelasan lanjut, diminta berhubung dengan Jabatan Zon Bebas, LPK melalui talian di 03 3168 8211 atau emel fzinqury@pka.gov.my.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(KAPT. K. SUBRAMANIAM)

Pengurus Besar

Lembaga Pelabuhan Kelang

SENARAI EDARAN

Ketua Pegawai Eksekutif
Northport (M) Berhad
P.O. Box 234, Jalan Pelabuhan
42000 Pelabuhan Klang

Ketua Pegawai Eksekutif
Westports Malaysia Sdn Bhd
P.O.Box 266, Pulau Indah
42009 Pelabuhan Klang

Presiden
Selangor Freight Forwarders & Logistics Association (SFFLA)
No. 23, Jalan Cemerlang
42000 Pelabuhan Klang

Presiden
Malaysia Freight Forwarders Association (MAFFA)
The Landmark Building
No. 3A-13A, Jalan Batu Nilam 16
Bandar Bukit Tinggi
41200 Klang

Presiden
Federation of Malaysian Freight Forwarders (FMFF)
No. 23, Jalan Cemerlang
42000 Pelabuhan Klang

Pengerusi
Airfreight Forwarders Association of Malaysia (AFAM)
No.16-B, Level 2, Jalan Kemuja
Bangsar Utama
59000 Kuala Lumpur



**PIHAK BERKUASA ZON BEBAS
LEMBAGA PELABUHAN KELANG**

**SYARAT – SYARAT PERMOHONAN KELULUSAN UNTUK MENGENDALI
DI DALAM PREMIS PELABUHAN**

(SEKSYEN 3(2)(v) Port Authorities Act 1963)

The authority shall have power to do all things reasonably necessary for or incidental to the discharge of its functions, and in particular - to undertake or grant licence on such conditions as the authority may think fit to any company, firm, person or persons to undertake, any activities in the Port as may appear to the authority to be necessary;

SENARAI AKTIVITI:

1. Aktiviti pergudangan melibatkan penerimaan, penyimpanan, penghantaran dan konsolidasi di dalam kawasan pelabuhan.
2. Sebagai pusat transit sebelum dagangan dihantar ke destinasi akhir.
3. Aktiviti penerimaan dan penyimpanan dagangan pukal.
4. Aktiviti tambah nilai.

JENIS GUDANG/PREMIS TERLIBAT:

Jenis gudang atau premis:

1. Premis yang disewa / dipajak daripada operator terminal (*tenant / lessee*).
2. Premis yang disewa / dipajak daripada pihak lain yang menyewa / memajak dari operator terminal (*sub-tenant / sub-lessee*).

SYARAT – SYARAT PERMOHONAN:

1. Syarikat berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).
2. Syarikat mendapat pengesahan lokasi atau surat tawaran sewaan / pajakan daripada pihak operator terminal / operator gudang (*sub-tenant*).
3. Syarikat mempunyai lesen perniagaan dengan Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK).
4. Syarikat mengendalikan dagangan milik sendiri atau pelanggannya.
5. Tempoh mengendali melebihi 6 bulan.
6. Permohonan dibuat melalui portal eAktivitiZB.
7. Permohonan yang lengkap perlu disertakan dengan maklumat berikut;
 - i. Maklumat Korporat SSM terkini.
 - ii. Lesen perniagaan dengan MBDK.
 - iii. Surat tawaran sewaan / pajakan atau dokumen pengesahan lokasi daripada pihak operator terminal.
8. Caj sebanyak **RM2,000.00** dikenakan bagi setiap permohonan yang diluluskan untuk tempoh 2 tahun.
9. Permohonan untuk tujuan memperbaharui mengendali perlu dibuat sekurang-kurangnya 2 bulan sebelum tamat tempoh.



**PIHAK BERKUASA ZON BEBAS
LEMBAGA PELABUHAN KELANG**

**SYARAT – SYARAT PERMOHONAN KELULUSAN UNTUK
MENJALANKAN AKTIVITI EJEN PENGHANTAR FRET
DI PELABUHAN KLANG**

(SEKSYEN 3(2)(v) Port Authorities Act 1963)

The authority shall have power to do all things reasonably necessary for or incidental to the discharge of its functions, and in particular - to undertake or grant licence on such conditions as the authority may think fit to any company, firm, person or persons to undertake, any activities in the Port as may appear to the authority to be necessary;

SENARAI AKTIVITI:

1. Mengikrarkan dokumen zon bebas dan/atau Kastam.
2. Menyediakan House Bill of Lading.
3. Mengenakan caj konsolidasi.

SYARAT – SYARAT PERMOHONAN:

1. Syarikat berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).
2. Permohonan dibuat melalui portal eRegistration, LPK.
3. Permohonan yang lengkap perlu disertakan dengan maklumat berikut;
 - i. Maklumat Korporat SSM terkini.
 - ii. Surat kelulusan JKDM sebagai Ejen Penghantar Fret (BZ).
4. Permohonan untuk tujuan memperbaharui kelulusan menjalankan aktiviti ejen penghantar fret perlu dibuat sekurang-kurangnya 2 bulan sebelum tamat tempoh.

LEMBAGA PELABUHAN KELANG

CARTA ALIR BAGI PERMOHONAN PENDAFTARAN

1. KELULUSAN MENGENDALI DI DALAM PREMIS PELABUHAN

2. AKTIVITI EJEN PENGHANTAR FRET

